

Kritikal jika pengurusan tidak efektif

PENGURUSAN sisa pepejal di negara ini mungkin akan menjadi kritikal sekiranya ia tidak dilakukan secara efektif dan bersepadu.

Demikian diakui Ketua Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Latifah Abd Manaf.

Beliau berkata, bilangan rakyat Malaysia semakin bertambah sekaligus menyebabkan jumlah lambakan sisa pepejal turut meningkat.

“Penambahbaikan tapak pelupusan sampah amat penting kerana kita tidak boleh hanya bergantung kepada aktiviti kitar semula yang dijalankan oleh masyarakat semata-mata.

“Justeru, rancangan kerajaan untuk memperbanyakkan tapak pelupusan sampah jenis sanitari amat dipersetujui kerana ia mesra alam sekitar,” katanya.

Bagaimanapun, aktiviti kitar semula yang sedia ada masih kekal penting berikutan kaedah itu akan mengurangkan lambakan sisa pepejal untuk dilupuskan.

Menurut Latifah, dengan berbuat demikian, jangka hayat bagi sesebuah tapak pelupusan untuk beroperasi juga dapat dipanjangkan sekaligus mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal dan menjimatkan kawasan.

“Syarikat konsesi dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menyediakan jalan penyelesaian terbaik bagi mengelakkan sebarang pembaziran dalam menjalankan kerja-kerja pelupusan sampah.

“Tidak dinafikan kos pengurusannya sebanyak RM1 bilion setahun amat tinggi, tetapi jika sebahagian kos itu dapat disalurkan kepada pengurusan yang lebih cekap dan efisien, sudah pasti ianya dapat mengurangkan masalah jumlah lambakan sisa pepejal yang tinggi di negara ini,” ujarinya.